



## **SIARAN MEDIA**

## SISTEM PERPUSTAKAAN BERPUSAT POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI SERTA DATA DASHBOARD APLIKASI IPOLYCC PLATFORM PERKASA DIGITALISASI POLYCC

IPOH, 6 Januari 2025 - Sistem Perpustakaan Berpusat Politeknik dan Kolej Komuniti serta Data *Dashboard* Aplikasi iPOLYCC yang dilancarkan hari ini bakal memberi manfaat kepada lebih 100 ribu pengguna dalam usaha membudaya digitalisasi di dalam ekosistem POLYCC (Politeknik dan Kolej Komuniti).

Usaha memperkasa transformasi digital sektor pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Sistem Perpustakaan Berpusat Politeknik dan Kolej Komuniti yang dibangunkan menggunakan sistem sumber terbuka KOHA, adalah langkah strategik ke arah mewujudkan perpustakaan digital bersifat inklusif dan mampan. Sistem ini bakal memberikan kemudahan carian bahan bacaan, akses kepada repositori kandungan tempatan (*local content*), serta memperkasakan budaya digitalisasi.

Data *Dashboard* Aplikasi iPOLYCC yang turut dilancarkan merupakan perisian terkini pengurusan data secara *real-time* berkaitan POLYCC yang menyediakan maklumat terkini institusi seperti bilangan pelajar, statistik kakitangan, serta data pengurusan institusi secara komprehensif. Sistem ini turut memanfaatkan data dari sistem MYMOHES Kementerian Pendidikan Tinggi yang dikemaskini empat kali

setahun.

Yang Berusaha Tuan Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Sistem Perpustakaan Berpusat Politeknik dan Kolej Komuniti serta Data Dashboard Aplikasi iPOLYCC di Perpustakaan Tan Sri Othman Merican, Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak.

Peluncuran kedua-dua sistem ini ini adalah hasil usaha gigih pelbagai pihak, termasuk Pasukan Petugas ICT JPPKK, pustakawan, staf perpustakaan serta pengurus maklumat POLYCC. Sistem ini bakal memberi manfaat kepada warga POLYCC dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan serta melestarikan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Peluncuran Sistem Perpustakaan Berpusat Politeknik dan Kolej Komuniti serta Data *Dashboard* Aplikasi iPOLYCC adalah langkah signifikan dalam memperkukuh agenda pendigitalan serta kesediaan POLYCC menghadapi cabaran masa depan dalam memacu kecemerlangan pendidikan teknikal dan vokasional negara.

Politeknik Ungku Omar Politeknik Premier www.puo.edu.my 6 Januari 2025